

Newspaper

Berita Harian

Date

16 February 2016

Polis mula siasat Tun M

aman BH-16/2/2016

» Kandungan blog dipercayai punyai unsur fitnah, hasutan

Oleh Siti Sofia Md Nasir
siti.sofia@bh.com.my

► Georgetown

Polis sudah memulakan siasatan terhadap mantan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohammad berhubung kandungan blognya yang dipercayai mempunyai unsur fitnah dan menghasut rakyat membenci kerajaan.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar, berkata pihaknya menerima beberapa laporan polis yang dibuat sejak beberapa hari lalu.

Buka kertas siasatan

"Kita akan buka kertas siasatan dan jika benar ada kes fitnah, kita akan serah kepada Jabatan Peguam Negara," katanya ketika ditemui pada sidang media selepas menyaksikan majlis serah terima tugas Ketua Polis Pulau Pinang di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pulau Pinang di sini, semalam.

Dr Mahathir dalam tulisannya di blog chedet.cc bertajuk 'Peguam Negara Kepada Peguam Negara' mendakwa Pe-



Khalid bersalaman dengan Datuk Seri Abdul Rahim Hanafi (kiri) sambil diperhati Ketua Polis Pulau Pinang yang baharu dilantik, Datuk Abdul Ghafar Rajab (kanan) selepas **majlis serah terima tugas** di Ibu Pejabat Kontinjen (IPK) Pulau Pinang, semalam.

[FOTO MIKAIL ONG/BH]

guam Negara, Tan Sri Mohamad Apani Ali tidak akan mendakwa Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dalam kes SRC International dan dana RM2.6 bilion kerana kononnya terhutang budi dengan Najib.

Bekas Perdana Menteri itu juga menuduh Mohamad Apani Ali tidak mahu Peguam Negara Switzerland tahu sama ada wang di dalam beberapa akaun peribadi Najib itu datang daripada syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB) ataupun tidak.

Bagaimanapun, kenyataan Dr Mahathir ditempelak Ketua Penerangan UMNO, Tan Sri Annuar Musa yang mendakwa tulisan bekas Perdana Menteri selama 22 tahun itu adalah bersifat hasutan bagi menyemarakkan kebencian rakyat kepada sistem pentadbiran dan badan kehakiman negara.

Siasat dakwaan guru agama
Sementara itu, Khalid berkata, polis akan menjalankan siasatan terhadap kenyataan seorang guru agama yang mendakwa dicerderakan dua ang-

gota polis di Balai Polis Gurun, Selasa lalu.

"Jika ada salah laku, kita tidak akan lindungi mereka. Saya sudah arahkan supaya siasatan menyeluruh dijalankan bagi membuktikan kesahihan dakwaan berkenaan," katanya.

Kelmarin, Mohd Na'im Zakaria, 29, yang mengajar di Sekolah Kebangsaan Simpang 3, Sungai Daun di Kedah, mendakwa dipukul dan ditumbuk, selepas ditahan dalam sekatan jalan raya di hadapan Balai Polis Gurun.